

pelbagai ceramah-ceramah awam dan program-program kesedaran, contohnya melalui Program Klik Dengan Bijak (KDB).

Orang awam perlu memastikan bahawa peranti komunikasi dikemaskini dengan perisian terkini agar tidak terdedah kepada virus dan perisian hasad (*malware*), selain berkongsi maklumat peribadi yang boleh digunakan oleh penggodam untuk pelbagai tujuan yang tidak baik.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah dan sedang giat menjalankan audit pematuhan dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehan pengguna data mematuhi Prinsip-prinsip Perlindungan Data Peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

Pada tahun 2015 sahaja, sebanyak 107 audit pematuhan telah dilakukan di seluruh negara, melibatkan pengguna data yang terdiri daripada pelbagai sektor seperti komunikasi, perbankan, kesihatan, institusi pengajian tinggi, perkhidmatan, jualan langsung, utiliti dan hartanah.

JPDP juga serius dalam memantapkan lagi penguatkuasaan Akta 709 dengan penggubalan Peraturan Perlindungan Data Peribadi (Pengkompaunan Kesalahan) 2016 yang telah diwartakan pada 14 Mac 2016.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran dan pemahaman rakyat mengenai Akta 709 dan kepentingan memelihara data peribadi, JPDP juga telah menganjurkan beberapa siri persidangan dan seminar secara percuma di seluruh negara mengikut zon. Pada tahun 2015, sebanyak 12 persidangan telah dianjurkan dan penyertaan peserta yang terdiri daripada sektor awam dan swasta adalah amat menggalakkan. Di samping itu juga, JPDP telah menerbitkan risalah dan 8 video pendek yang disebarluaskan melalui platform *YouTube* tentang Akta 709 dan kepentingan melindungi data peribadi.